

Pikul dua tanggungjawab

Oleh **Khairunnisa Kamarudin**
nisa.kamarudin@
bh.com.my

► Kuala Lumpur

Memikul tanggungjawab sebagai pelajar dan usahawan bukanlah sesuatu yang mudah, apatah lagi dalam usia yang masih muda.

Namun bagi Abdul Alim Abdul Manaf, 23, ibarat 'alah bisa, tegal biasa' dan semua cabaran dalam menguruskan kedai percetakan dan fotostat ditempuhi dengan hati yang cekat, walaupun kadangkala berdepan

dengan tekanan.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu menyifatkannya asam garam dalam dunia perniagaan, malah dijadikan pengalaman berguna untuk lebih berjaya pada masa depan.

"Kami bertuah apabila mendapat kemudahan kios di Pusat Pembangunan Siswa USIM untuk menjalankan perniagaan ini selepas mendapat pendediaan kursus perniagaan oleh pusat berkenaan.

"Menggunakan duit Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai modal se lain kesanggupan menanggungkan bayaran yuran pe-

“

SETIAP CABARAN YANG DIHADAPI AKAN DIJADIKAN PEDOMAN UNTUK MEMANTAPKAN DIRI AGAR MENJADI LEBIH BAIK. SAYA MASIH INGAT PENDAPATAN YANG DIPEROLEH KETIKA MEMULAKAN PERNIAGAAN ADALAH SEKITAR RM200 HINGGA RM450 SEHARI”

Alim Abdul Manaf,
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat USIM

ngajian pada awal semester, kami memulakan perniagaan ini," katanya.

Pengorbanan berbaloi
Abdul Alim berkata, pengorbanannya itu nyata berbaloi apabila mampu meraih keuntungan sehingga mampu melangsaikan segala hutang yuran penga-



Abdul Alim menunjukkan **baju korporat** yang turut dijual di kios miliknya.

jian dalam tempoh singkat.

Lebih membanggakan, beliau juga mampu mengembangkan perniagaan dengan menawarkan perkhidmatan percetakan digital dan membaik pulih komputer, selain membebankan pakaian seperti baju t-shirt, baju muslimah dan jubah.

"Setiap cabaran yang dihadapi akan dijadikan pedoman untuk memantapkan diri agar menjadi lebih baik. Saya masih ingat pendapatan yang diperoleh ketika memulakan perniagaan adalah sekitar RM200 hingga RM450 sehari.

"Malah, mampu mencecah RM800 sehari dan sudah

mencukupi buat saya sebagai pelajar," katanya.

Katanya, sokongan rakan dan keluarga menjadi kekuatan jatuh bangun dan untung rugi sepanjang menjalankan perniagaan, sekali gus menggalakkannya untuk terus berjuang dalam bidang ini.



Abdul Alim (kanan) bersama rakan kongsi yang membantu melancarkan perniagaannya.